

Contoh Dari Selawat 14

## Amalan asy-Syaikh Aḥmad ibn Idrīs

Contoh Dari Selawat 14

## Contoh Dari Selawat 14

### Selawat Keempat

Dengan nama Allāh Yang Maha Pengasih Yang Maha Penyayang

Wahai Allāh, limpahkanlah selawat ke atas penaung kami Muḥammad, cahayaMu yang gemerlapan <sup>(1)</sup>, dan penzahiran rahsiaMu yang tertitis <sup>(2)</sup>, yang telah Dikau bentukkan (atau aturkan) segala kejadian makhluk (*al-akwān*) dengan keindahannya, dan telah Dikau perhiasi waktu (*al-awān*) dengan keelokan kebesarannya, yang telah Dikau bukakan (yakni mulakan) penzahiran alam dari cahaya hakikatnya, dan telah Dikau tutupkan (yakni tamatkan) kesempurnaannya dengan rahsia-rahsia kenabiannya. Maka terzahirlah bentuk-bentuk kebagusan daripada limpahannya pada sebaik-sebaik bentuk ciptaan.

Dan jika bukanlah kerana dia, tiadalah akan terzahir bentuk sesuatu esensi (*'ain*) dari ketidakwujudan yang [akan] hancur. Dia, yang melaluinya tiadalah seorang yang lapar meminta bantuanMu melainkan akan dikenyangkannya <sup>(3)</sup>, atau seorang yang haus melainkan akan dihilangkan kehausannya <sup>(4)</sup>, atau seorang yang takut melainkan akan diamankan [dia daripada ketakutannya], atau seorang yang mengadu [di dalam keluh kesah] melainkan akan diberikan kepadanya bantuan.

Dan sesungguhnya daku kini sedang mengadu [di dalam keluh kesah] meminta bantuanMu. Daku meminta pertolongan [di dalam bentuk hujan rahmat dari] rahmatMu yang luas, dari khazanah-khazanah kemurahanMu. Maka bantulah daku wahai Yang Maha Penyayang. Wahai Dia yang jika melihat dengan pandangan kelembutanNya dan kemaafanNya, tidak akan terzahir sebarang dosa di sisi kebesaran kelembutanNya dan keagungan kemaafanNya. Ampunilah daku dan kurniakanlah taubat kepadaku dan luluskanlah daku, wahai Yang Maha Mulia.

---

#### Nota-Nota Hujung

(1)

Berdasarkan sebuah hadis Rasūlullāh *ṣallallāhu 'alaihi wa sallam* yang telah diriwayatkan oleh asy-Syaikh Aḥmad ibn Idrīs di dalam kitab *Majmū'ah Aurād Saiyidī al-Imām Aḥmad ibn Idrīs* :

Daripada Jābir ibn 'Abdillāh, semoga Allāh meredainya, telah berkata dia : Aku telah bertanya kepada Nabi [Muḥammad] *ṣallallāhu 'alaihi wa sallam*, apakah perkara pertama yang telah dicipta oleh Allāh. Maka baginda telah bersabda, "Ia adalah cahaya nabimu, wahai Jābir. Allāh telah menciptanya, kemudian Dia telah mencipta segala kebaikan di dalamnya. Kemudian sesudah itu, Dia telah mencipta pula setiap sesuatu. Dan pada waktu menciptanya, Dia telah menjadikannya berdiri di hadapanNya pada maqam kedekatan (*al-qurb*) selama dua belas ribu tahun. Kemudian, Dia telah menjadikannya terbahagi

## Contoh Dari Selawat 14

kepada empat bahagian. Maka Dia telah menciptakan *al-‘arsy* daripada satu bahagian, dan *al-kursī* daripada satu bahagian . . . ”

(2)

Menurut asy-Syaikh Muḥammad Bahā’uddīn al-Baiṭār asy-Syāmī (yakni seorang wali Allāh yang besar dan juga adalah anak murid kepada *al-Quṭb* asy-Syaikh Muḥammad ibn Aḥmad ad-Dandarāwī), rahsia Allāh ialah zatNya, dan Muḥammad *ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam* adalah tempat terzahirnya rahsia Allāh. Makna tertitis pula ialah ia dilimpahkan dan diratakan, dan ia terdapat pada setiap hakikat dari esensi seluruh makhluk.

(3)

Menurut asy-Syaikh Muḥammad Bahā’uddīn al-Baiṭār asy-Syāmī, yang dimaksudkan dengan orang yang lapar di sini ialah orang yang belum menerima pentahkikan melalui *at-tajallī adh-dhātī* (manifestati zat Allāh), kerana tiadalah orang-orang daripada golongan *‘al-‘ārifīn billāh* itu lapar kepada yang lain daripada Allāh.

(4)

Menurut asy-Syaikh Muḥammad Bahā’uddīn al-Baiṭār asy-Syāmī, yang dimaksudkan dengan orang yang haus di sini ialah orang yang haus kalbunya kepada *musyāhadah al-jamāl* (penyaksian yang dibangsakan kepada keindahan Allāh) dan mendengar tuturkata Allāh daripada *ḥadrah al-kamāl* (kehadiran yang dibangsakan kepada kesempurnaan Allāh).